

**Program pemulihan pelancongan pasca bencana gempa bumi 2015 di sekitar
pinggiran gunung kinabalu, kundasang: cabaran dan strategi**

ABSTRACT

Kajian ini adalah tentang program pemulihan pelancongan pasca bencana gempa bumi di Kundasang yang terletak di pinggiran Gunung Kinabalu, Ranau Sabah. Gempa bumi yang berlaku pada 05 Jun 2015 di kawasan Gunung Kinabalu telah menyebabkan aktiviti pelancongan di sekitar Kundasang telah terjejas. Oleh itu, kajian ini meninjau program pemulihan pelancongan pasca bencana yang dilakukan oleh ahli komuniti setempat untuk memulihkan semula produk pelancongan yang sedia ada. Pendekatan utama kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Kaedah kutipan data seperti temubual mendalam kepada tujuh orang informan yang melibatkan ahli komuniti yang berkepentingan. Selain itu, pemerhatian di lapangan telah diaplikasikan untuk mendapatkan data yang lebih mendalam bagi kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa komuniti di Kampung Mesilou Kundasang telah terlibat secara langsung dan aktif dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana. Hasil kajian mendapati bahawa wujud isu serta cabaran yang dihadapi oleh ahli komuniti dimana isu dan cabaran yang dihadapi adalah berbeza dalam proses melaksanakan dan semasa melaksanakan program pemulihan pelancongan pasca bencana gempa bumi di Kundasang Sabah.